

AKTIVITI

GALERI SENI UNIVERSITI MALAYA

Dalam usaha memantapkan lagi peranan Galeri Seni sebagai sebuah institusi pendidikan dan pembelajaran tidak formal, galeri bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program pendidikan bagi menyebar luas penerangan mengenai kreativiti, kebudayaan dan kesenian serta bertujuan untuk menarik minat dan menggalakkan budaya mengunjungi muzium dalam kalangan generasi muda. Ia menjadi rutin sepanjang tahun bagi galeri dan merupakan antara sebab mengapa jumlah pengunjung meningkat setiap tahun. Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah perkhidmatan lawatan berpandu ke pameran tetap dan sementara, aktiviti-aktiviti pendidikan khususnya untuk pelajar sekolah, IPT, agensi kerajaan, agensi swasta dan badan bukan kerajaan serta permainan kreatif dan kritis dengan harapan, aktiviti yang dijalankan dapat membantu pelawat supaya lebih memahami dan menghargai seni dan budaya di samping memupuk sikap bangga terhadap usaha dan pencapaian yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu. Aktiviti-aktiviti pendidikan lain yang dilaksanakan adalah Batik oh Batik, Art Treasure Hunt, Learn with Animals, Communication Visual Talk dan Triple C Talk. Aktiviti- aktiviti tersebut dilaksanakan berdasarkan permohonan yang diterima terutamanya daripada pihak sekolah. Maklum balas yang diterima juga sangat positif. Kebanyakan menyatakan hasrat untuk menyertai lagi aktiviti yang dianjurkan dan gembira serta mendapat pengalaman yang bermakna dengan menyertai aktiviti pendidikan yang berbentuk interaktif dan tidak membosankan. Selain dari itu, galeri juga menjadi lokasi kepada lawatan berpandu dari pengunjung antarabangsa ke Universiti Malaya. Ini menambahkan lagi jumlah aktiviti bagi kes terpencil mengikut pelawat dari negara yang berbeza.

Galeri juga terlibat dengan aktiviti 'Bicara bersama Artis' bagi pameran tertentu. Ini adalah salah satu cara













